KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS
2023

STATISTIK PERTUBUHAN MILIKAN ASING (*INWARD FATS*)

STATISTICS OF FOREIGN OWNED ESTABLISHMENT (INWARD FATS)

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS
2023

STATISTIK PERTUBUHAN MILIKAN ASING (*INWARD FATS*)
STATISTICS OF FOREIGN OWNED ESTABLISHMENT (INWARD FATS)

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users’ analysis and can be accessed through https://open.dosm.gov.my.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by* :
Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram / Youtube	:	StatsMalaysia
Emel / *Email*	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price*	:	RM15.00

Diterbitkan pada November 2024 / *Published on November 2024*

ISBN 978-967-253-894-3

KATA PENGANTAR

Penerbitan ini memaparkan Statistik Pertubuhan Milikan Asing (*INWARD FATS*) yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 bagi tahun rujukan 2022. Statistik ini menyediakan maklumat berkaitan bilangan pertubuhan milikan asing, nilai ditambah, pembentukan modal tetap kasar (PMTK), bilangan pekerja, pampasan pekerja, eksport dan import mengikut jenis aktiviti ekonomi. Statistik siri masa tahunan dari 2013 hingga 2022 pada peringkat terperinci turut dimuatkan dalam penerbitan ini.

Penyusunan Statistik Pertubuhan Milikan Asing (*INWARD FATS*) adalah berdasarkan garis panduan yang disarankan dalam *Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS)* 2010, oleh *United Nations* dan *Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6)* oleh *International Monetary Fund (IMF)*. Statistik ini boleh membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan perancangan pembangunan perniagaan.

Penemuan utama dan jadual statistik dipaparkan pada dua bahagian pertama penerbitan ini. Sementara itu, bagi memudahkan lagi kefahaman, nota teknikal yang merangkumi skop dan liputan, konsep dan definisi dimuatkan pada bahagian akhir.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

November 2024

PREFACE

This publication presents on Statistics of Foreign Owned Establishment (INWARD FATS) for the Economic Census 2023 for reference year 2022. This statistics provides information on the number of affiliates, value added, gross fixed capital formation (GFCF), number of employees, compensation of employees, exports and imports by kind of economic activities. The annual time series statistics from 2013 to 2022 at detailed level are also included in this publication.

The compilation of Foreign Owned Establishment (INWARD FATS) statistics is based on the guidelines recommended in the Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010, United Nations and Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of International Monetary Fund (IMF). This statistics could assist government agencies, economists, academicians as well as individuals for planning and policies formulation, economic analysis, projections and for business development planning.

Main findings and statistical tables are highlighted in the first two parts of this publication. Meanwhile, to facilitate better understanding, technical notes relating to the scope and coverage, concepts and definitions are provided in the final part.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges all parties concerned who have contributed in making this publication a success. All comments and suggestions towards improving future publications are appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

November 2024

ISI KANDUNGAN
CONTENTS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.

STATISTIK PERTUBUHAN MILIKAN ASING (*INWARD FATS*) 2022

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

@StatsMalaysia

BANCI 2024 PERTANIAN — KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

MALAYSIA MADANI

> *Affiliate* asing di Malaysia terus mencatatkan prestasi yang baik dengan menyumbang **17.7 peratus** kepada ekonomi negara



Bilangan *Affiliate*

3,056
affiliate

2021
2,987 *affiliate*

Bilangan Pekerja

923,415
orang

2021
884,843 orang

Pampasan Pekerja

RM56.4b

2021
RM51.9b

NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR

Sektor	2022	2021
Pembuatan	RM157.8b	RM133.3b
Perlombongan & Pengkuarian	RM81.8b	RM69.0b
Perkhidmatan	RM73.4b	RM68.5b
Pembinaan	RM3.1b	RM2.9b
Pertanian	RM0.6b	RM0.6b

Nota: 2022 | 2021

BILANGAN *AFFILIATE* MENGIKUT TIGA RANTAU UTAMA



Nota: 1. b merujuk kepada bilion
2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan
3. Sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran

Sumber: Statistik *Affiliate* Asing di Malaysia 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

STATISTICS OF FOREIGN OWNED ESTABLISHMENT (INWARD FATS) 2022

"Foreign affiliates in Malaysia continued to perform well by contributing **17.7 per cent** to the national economy"



Number of Affiliates

3,056 affiliates

2021: **2,987 affiliates**

Number of Employees

923,415 persons

2021: **884,843 persons**

Compensation of Employees

RM56.4b

2021: **RM51.9b**

VALUE ADDED BY SECTOR

Sector	2022	2021
Manufacturing	RM157.8b	RM133.3b
Mining & quarrying	RM81.8b	RM69.0b
Services	RM73.4b	RM68.5b
Construction	RM3.1b	RM2.9b
Agriculture	RM0.6b	RM0.6b

Notes: 2022 2021

NUMBER OF AFFILIATES BY MAIN REGION



ASIA	EUROPE	AMERICAS
1,947 affiliates	646 affiliates	400 affiliates
63.7%	21.1%	13.1%

Notes: 1. b refers to billion
2. % refers shares to total
3. Any differences in the aggregated data are due to rounding

Sources: Statistics on Foreign Affiliates in Malaysia 2022, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

PRESTASI *AFFILIATE* ASING DI MALAYSIA

PENGENALAN

Statistik Pertubuhan Milikan Asing (*Inward FATS*) bagi tahun 2022 menyediakan maklumat prestasi syarikat di Malaysia yang dikawal oleh pelabur asing yang memiliki ekuiti lebih daripada 50 peratus. Statistik ini mengukur kewujudan *affiliate* asing dalam pasaran Malaysia berdasarkan Statistik Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa (ITS), terutamanya bagi *mode of supply* yang ketiga (Mod 3).

AFFILIATE ASING DI MALAYSIA MENGIKUT SEKTOR

Bilangan *Affiliate*

Affiliate asing yang beroperasi di Malaysia mencatatkan sejumlah 3,056 *affiliate* pada tahun 2022, meningkat daripada 2,987 *affiliate* pada tahun sebelumnya. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan 53.5 peratus atau 1,634 *affiliate* terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan sebanyak 1,149 *affiliate* dan sektor Pembinaan sebanyak 155 *affiliate* seperti pada **Paparan 1**.

Paparan 1: Bilangan *Affiliate* Asing di Malaysia, 2022



Nota: % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

Nilai Ditambah

Jumlah nilai ditambah oleh *affiliate* asing di Malaysia mencatatkan RM316.8 bilion pada 2022, menunjukkan peningkatan sebanyak 15.5 peratus berbanding RM274.3 bilion pada tahun sebelumnya. Ini mewakili 17.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia (KDNK pada harga semasa 2022), berjumlah RM1,793.9 bilion. Sektor Pembuatan menerajui dengan sumbangan sebanyak RM157.8 bilion (49.8% daripada jumlah keseluruhan), didorong terutamanya oleh subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain. Sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang 25.8 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan 23.2 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Nilai Ditambah *Affiliate* Asing di Malaysia, 2022

Nilai Ditambah berjumlah **RM316.8 bilion** pada **2022**, menyumbang **17.7%** kepada keseluruhan ekonomi





Nota: 1. b merujuk kepada bilion
2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

Pembentukan Modal Tetap Kasar

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) oleh *affiliate* asing di Malaysia berjumlah RM66.5 bilion pada 2022, meningkat sebanyak 13.2 peratus berbanding RM58.7 bilion pada tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 3**. Sektor Pembuatan mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 39.9 peratus atau RM26.6 bilion, diikuti rapat oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dengan sumbangan 39.8 peratus. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan yang menyumbang 19.6 peratus kepada jumlah keseluruhan PMTK.

Paparan 3: Pembentukan Modal Tetap Kasar *Affiliate* Asing di Malaysia, 2022



Nota: 1. b merujuk kepada bilion
2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

Bilangan Pekerja

Affiliate asing di Malaysia menggaji sejumlah 923,415 pekerja pada 2022, mewakili 6.1 peratus daripada jumlah pekerja di Malaysia, seramai 15.2 juta orang. Ini mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus dalam bilangan pekerja yang diambil oleh *affiliate* asing berbanding tahun sebelumnya. Sektor Pembuatan mengupah bilangan pekerja tertinggi dengan 690,933 orang atau 74.8 peratus, terutamanya bagi subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain. Sektor Perkhidmatan mengikuti dengan 188,501 orang (20.4%), manakala sektor Pembinaan menggaji seramai 32,070 orang (3.5%), seperti pada **Paparan 4**.

Paparan 4: Bilangan Pekerja *Affiliate* Asing di Malaysia, 2022

> Jumlah pekerja adalah seramai **923,415 orang** berbanding **884,843 orang** pada **2021**

Bilangan Pekerja



Sumbangan mengikut Sektor



Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
2022: 2,931, 0.3%	**2022: 8,980, 1.0%**	**2022: 690,933, 74.8%**	**2022: 32,070, 3.5%**	**2022: 188,501, 20.4%**
(2021: 2,923, 0.3%)	(2021: 8,423, 1.0%)	(2021: 664,721, 75.1%)	(2021: 30,224, 3.4%)	(2021: 178,552, 20.2%)

Nota: % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

Pampasan Pekerja

Affiliate asing di Malaysia membayar pampasan sebanyak RM56.4 bilion pada 2022, meningkat 8.6 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: RM51.9 bilion). Sektor Pembuatan mendominasi pembayaran ini, dengan sumbangan 67.0 peratus atau RM37.8 bilion, terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian dengan pembayaran masing-masing sebanyak RM14.5 bilion dan RM2.6 bilion, seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 5**.

Paparan 5: Pampasan Pekerja *Affiliate* Asing di Malaysia, 2022

Sumbangan mengikut Sektor



Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
2022: RM0.1b, 0.2%	**2022: RM2.6b, 4.6%**	**2022: RM37.8b, 67.0%**	**2022: RM1.4b, 2.5%**	**2022: RM14.5b, 25.7%**
(2021: RM0.1b, 0.2%)	(2021: RM2.5b, 4.9%)	(2021: RM36.1b, 69.5%)	(2021: RM1.2b, 2.4%)	(2021: RM12.0b, 23.1%)

Nota: 1. b merujuk kepada bilion
2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

Eksport dan Import Barangan dan Perkhidmatan

Eksport *affiliate* asing di Malaysia berjumlah RM496.2 bilion pada 2022, meningkat 33.8 peratus berbanding RM370.9 bilion pada 2021. Sektor Pembuatan menerajui prestasi eksport dengan RM465.2 bilion, diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan RM25.2 bilion dan Perlombongan & pengkuarian dengan RM3.3 bilion. Import *affiliate* asing di Malaysia turut meningkat kepada RM404.1 bilion, berbanding RM317.5 bilion pada 2021. Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada import dengan sebanyak RM326.1 bilion, manakala sektor Perkhidmatan merekodkan RM74.6 bilion, dan sektor Perlombongan & pengkuarian sebanyak RM1.9 bilion, seperti pada **Paparan 6**. Aktiviti perdagangan ini mewakili sumbangan yang besar dalam keseluruhan perdagangan Malaysia, dengan *affiliate* asing di Malaysia menyumbang 36.0 peratus kepada jumlah eksport barangan dan Perkhidmatan negara (RM1.4 trillion) dan 32.4 peratus kepada jumlah import (RM1.2 trillion).

Paparan 6: Eksport dan Import *Affiliate* Asing di Malaysia, 2022



Nota: 1. b merujuk kepada bilion
2. % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

AFFILIATE ASING DI MALAYSIA MENGIKUT RANTAU

Affiliate asing di Malaysia adalah terutamanya dari rantau Asia, sebanyak 1,947 *affiliate* pada 2022 berbanding 1,897 *affiliate* pada 2021. Ini mewakili 63.7 peratus daripada jumlah *affiliate* asing di Malaysia. Rantau Eropah dan Amerika mengikuti dengan masing-masing mencatatkan 21.1 peratus dan 13.1 peratus, seperti pada **Paparan 7**.

Paparan 7: Bilangan *Affiliate* Asing di Malaysia mengikut Rantau, 2022



Nota: % merujuk kepada sumbangan daripada jumlah keseluruhan

PERFORMANCE OF FOREIGN AFFILIATES IN MALAYSIA

INTRODUCTION

Statistics on Foreign Owned Establishment (Inward FATS) for the year 2022 provides information on the performance of foreign controlled companies in Malaysia which own more than 50 per cent of the equity. It measures the commercial presence of foreign affiliates in Malaysia's market based on the International Trade in Services (ITS) Statistics, particularly for the mode of supply three (Mode 3).

FOREIGN AFFILIATES IN MALAYSIA BY SECTOR

Number of Affiliates

Foreign affiliates operating in Malaysia recorded a total of 3,056 affiliates in 2022, an increase from 2,987 affiliates in the previous year. The Manufacturing sector dominated with the largest share, comprising 53.5 per cent or 1,634 affiliates mainly in the Electrical, transport equipment and other manufacturing sub-sectors. This was followed by Services sector with 1,149 affiliates and Construction sector with 155 affiliates as depicted in ***Exhibit 1****.*

Exhibit 1: Number of Foreign Affiliates in Malaysia, 2022



Value Added

The total value added by foreign affiliates in Malaysia reached RM316.8 billion in 2022, reflecting a 15.5 per cent increase from RM274.3 billion in the previous year. This accounted for 17.7 per cent of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP at current prices in 2022), which valued at RM1,793.9 billion. The Manufacturing sector led with a contribution of RM157.8 billion (49.8% share of contribution), primarily driven in the Electrical, transport equipment and other manufacturing sub-sectors. The Mining & quarrying sector contributed 25.8 per cent, followed by the Services sector with 23.2 per cent as shown in ***Exhibit 2****.*

Exhibit 2: Value Added of Foreign Affiliates in Malaysia, 2022

> *Value Added amounted to*
> ***RM316.8 billion***
> *in **2022**, accounted for*
> ***17.7%** to total economy*



Share by Sector

Value added

Total RM316.8b (100%)

Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services
2022: RM0.6b, 0.2%	**2022: RM81.8b, 25.8%**	**2022: RM157.8b, 49.8%**	**2022: RM3.1b, 1.0%**	**2022: RM73.4b, 23.2%**
(2021:RM0.6b, 0.2%)	(2021: RM69.0b, 25.2%)	(2021: RM133.3b, 48.6%)	(2021: RM2.9b, 1.1%)	(2021: RM68.5b, 25.0%)

Notes: 1. b refers to billion
2. % refers shares to total

Gross Fixed Capital Formation

*The Gross Fixed Capital Formation (GFCF) of foreign affiliates in Malaysia amounted to RM66.5 billion in 2022, an increase of 13.2 per cent compared to RM58.7 billion in the preceding year as shown in **Exhibit 3**. The Manufacturing sector accounted for the largest share at 39.9 per cent or RM26.6 billion, closely followed by the Mining & quarrying sector with a 39.8 per cent share. This was followed by the Services sector, which contributed 19.6 per cent to the total GFCF.*

Exhibit 3: Gross Fixed Capital Formation of Foreign Affiliates in Malaysia, 2022

Share by Sector

GFCF



Total RM66.5b (100%)

Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services
2022: RM0.1b, 0.1%	**2022: RM26.5b, 39.8%**	**2022: RM26.6b, 39.9%**	**2022: RM0.4b, 0.6%**	**2022: RM13.0b, 19.6%**
(2021: RM0.1b, 0.1%)	(2021: RM23.6b, 40.1%)	(2021: RM22.7b, 38.6%)	(2021: RM0.4b, 0.7%)	(2021: RM12.0b, 20.5%)

Notes: 1. b refers to billion
2. % refers shares to total

Number of Employees

*Foreign affiliates in Malaysia employed a total of 923,415 persons in 2022, representing 6.1 per cent of total employed persons in Malaysia, which stood at 15.2 million persons. This represented a 4.4 per cent growth in employment by foreign affiliates compared to the previous year. The Manufacturing sector employed the largest share with 690,933 persons or 74.8 per cent, primarily in the Electrical, transport equipment and other manufacturing sub-sectors. The Services sector followed with 188,501 persons (20.4%), while the Construction sector employed 32,070 persons (3.5%), as illustrated in **Exhibit 4**.*

Exhibit 4: Number of Employees of Foreign Affiliates in Malaysia, 2022

Number of employees accounted for **923,415 persons** as against **884,843 persons** in **2021**



Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services
2022: 2,931, 0.3%	**2022: 8,980, 1.0%**	**2022: 690,933, 74.8%**	**2022: 32,070, 3.5%**	**2022: 188,501, 20.4%**
(2021: 2,923, 0.3%)	*(2021: 8,423, 1.0%)*	*(2021: 664,721, 75.1%)*	*(2021: 30,224, 3.4%)*	*(2021: 178,552, 20.2%)*

Note: % refers shares to total

Compensation of Employees

Foreign affiliates in Malaysia made a payment of RM56.4 billion in 2022, a 8.6 per cent rising from the previous year (2021: RM51.9 billion). The Manufacturing sector dominated these disbursements, accounting for 67.0 per cent or RM37.8 billion, largely in the Electrical, transport equipment and other manufacturing sub-sectors. This was followed by Services and Mining & quarrying sectors with payments of RM14.5 billion and RM2.6 billion respectively, as shown in ***Exhibit 5****.*

Exhibit 5: Compensation of Employees of Foreign Affiliates in Malaysia, 2022

Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services
2022: RM0.1b, 0.2%	**2022: RM2.6b, 4.6%**	**2022: RM37.8b, 67.0%**	**2022: RM1.4b, 2.5%**	**2022: RM14.5b, 25.7%**
(2021: RM0.1b, 0.2%)	*(2021: RM2.5b, 4.9%)*	*(2021: RM36.1b, 69.5%)*	*(2021: RM1.2b, 2.4%)*	*(2021: RM12.0b, 23.1%)*

Notes: 1. b refers to billion
2. % refers shares to total

Exports and Imports of Goods and Services

*Exports by foreign affiliates in Malaysia amounted to RM496.2 billion in 2022, increased 33.8 per cent as against RM370.9 billion in 2021. The Manufacturing sector led the export performance with RM465.2 billion, followed by Services at RM25.2 billion and Mining & quarrying sectors at RM3.3 billion. Similarly, imports by foreign affiliates in Malaysia rose to RM404.1 billion, up from RM317.5 billion in 2021. The Manufacturing sector remained the key contributor to imports with RM326.1 billion, while the Services sector recorded RM74.6 billion, and the Mining and quarrying sector RM1.9 billion, as depicted in **Exhibit 6**. These trade activities represented a notable share of Malaysia's overall trade, with foreign affiliates in Malaysia contributing 36.0 per cent to the country's total exports of goods and services (RM1.4 trillion) and 32.4 per cent to total imports (RM1.2 trillion).*

Exhibit 6: Exports and Imports of Foreign Affiliates in Malaysia, 2022



Notes: 1. b refers to billion
2. % refers shares to total

FOREIGN AFFILIATES IN MALAYSIA BY REGION

The foreign affiliates in Malaysia were predominantly from the Asia region, totalling 1,947 affiliates in 2022 as against 1,897 affiliates in 2021. This represented 63.7 per cent share of all foreign affiliates in Malaysia. Europe and Americas followed, representing 21.1 per cent and 13.1 per cent respectively, as depicted in ***Exhibit 7.***

Exhibit 7: Number of Foreign Affiliates in Malaysia by Region, 2022



Note: % refers shares to total

IFATS 2022

STATISTIK PERTUBUHAN MILIKAN ASING (*INWARD FATS*)

STATISTICS OF FOREIGN OWNED ESTABLISHMENT (INWARD FATS)

ARTIKEL
ARTICLE

Peranan FDI dalam Memperkasa Masa Depan Transformasi Digital dan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Kumutha Shanmugam[1]; Siti Sarah Che Dan[1]
[1]Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Dalam ekonomi global moden, penumpuan teknologi dan pelaburan telah mengubah cara perniagaan beroperasi, berhubung dan berkembang maju pada skala global. Dalam ekonomi global yang semakin berkembang, Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke dalam sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) berfungsi sebagai pemboleh penting bagi negara untuk mempercepatkan trajektori pembangunan mereka. Seperti yang dijelaskan oleh Osano dan Koine (2016), FDI melangkaui kemasukan modal semata-mata, menyumbang kepada kecekapan pengurusan, kemajuan teknologi dan pertumbuhan inovatif. Persimpangan ini bukan sahaja menjanjikan ketersambungan yang dipertingkatkan dan kemajuan teknologi tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya di negara-negara yang sedang membangun. Penyedaran terhadap kepentingan FDI dalam ICT adalah penting untuk memahami potensinya untuk memacu kemajuan, inovasi dan pembangunan keseluruhan di seluruh dunia.

Apabila FDI mengalir ke dalam sektor ICT, ia menjadi pencetus perubahan bagi ekonomi digital. ICT meliputi pelbagai jenis teknologi termasuk platform internet dan mudah alih, serta talian tetap tradisional dan media penyiaran. ICT moden juga merangkumi pusat data untuk pengkomputeran awan (*cloud computing*) yang cekap dan perisian yang menggerakkan segala operasi perniagaan yang kompleks kepada tugas harian. Dengan menyalurkan pelaburan ke dalam perkhidmatan digital, negara boleh memanfaatkan kelebihan tersendiri mereka dari segi modal insan, ekosistem perniagaan dan kepakaran teknologi (Rajesh D. et al, 2021). Ini sering menarik FDI yang signifikan dalam perisian, perkhidmatan IT dan komponen elektronik.

Pada 2023, sektor ICT menyumbang 5.8 peratus atau RM105.2 bilion kepada KDNK negara yang meningkat daripada 5.6 peratus pada 2022. Dari segi FDI, sektor ini menyumbang 0.7 peratus yang meningkat daripada 0.2 peratus pada 2022. Pertumbuhan ini menunjukkan perkembangan pesat sektor dan keupayaannya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Dengan kemajuan teknologi yang semakin pesat dan peningkatan kebergantungan kepada ekonomi digital, sektor ini dijangka terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Oleh itu, artikel ini membincangkan bagaimana FDI membentuk pengembangan dan pembangunan sektor ICT di Malaysia serta sumbangannya terhadap pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Prestasi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia

Sehingga tahun 2024, Malaysia terus menjadi menjadi tumpuan pelabur global yang menduduki tangga teratas di kalangan 10 destinasi pelaburan terbaik di Asia Tenggara (Laporan Indeks Keyakinan FDI, 2024). Kedudukan ini menunjukkan daya tarikan Malaysia yang berterusan dalam pasaran serantau yang semakin kompetitif hasil daripada wawasan strategik dan kebolehsuaian.

Pada 2023, aliran masuk FDI Malaysia menurun daripada RM75.4 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM40.4 bilion, mencerminkan pengembalian kepada norma pra-pandemik. Lonjakan FDI pada 2022 mungkin didorong oleh ketidakpastian akibat pandemik. Walau bagaimanapun aliran FDI mula stabil apabila perbezaan trend semakin mengecil dan corak ekonomi menjadi lebih jelas. Pemulihan kukuh dan asas ekonomi Malaysia yang mantap terus menjadikannya destinasi pelaburan yang menarik, walaupun tahap FDI yang luar biasa tinggi semasa pandemik tidak dapat dikekalkan. Sementara itu, kedudukan FDI yang merosot kepada RM684.9 bilion pada 2020 meneruskan trajektori peningkatan dengan mencecah RM926.0 bilion pada 2023 seperti yang ditunjukkan di **Carta 1**.

Carta 1: Aliran dan Kedudukan FDI, 2014-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Peranan Sektor ICT dalam Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Sektor ICT di Malaysia semakin menjadi pemacu utama dalam membentuk masa depan digital negara dan memperluaskan pertumbuhan ekonominya. Menurut Sau-Rong et al. (2020), Malaysia berhasrat untuk beralih kepada ekonomi berasaskan teknologi dengan menerajui inisiatif keusahawanan digital, memupuk inovasi dan menggalakkan penerapan digital selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030.

Laporan Banci Ekonomi 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menggariskan perkembangan pesat sektor ICT. Pada 2022, sektor ini mencapai output kasar bernilai RM190.1 bilion, peningkatan tahunan sebanyak 6.2 peratus daripada 2015. Kenaikan ini turut digambarkan dalam peningkatan sumbangan nilai tambah kepada RM102.7 bilion, mewujudkan kesan rantaian peluang. Pekerjaan dalam sektor ini berkembang sebanyak 3.0 peratus, menambah lebih daripada 250,509 pekerjaan, manakala jumlah gaji mencapai RM19.3 bilion. Pelaburan dalam aset tetap juga merekodkan peningkatan yang ketara, meningkat kepada RM114.0 bilion berbanding RM82.8 bilion pada 2015.

Pelaburan dalam sektor ICT terus berkembang sebagai tindak balas kepada permintaan yang semakin meningkat, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan ketara dalam akses isi rumah kepada perkhidmatan ICT. Menurut Laporan Kajian Penggunaan dan Akses ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2023 daripada DOSM, hampir setiap rumah dilengkapi dengan televisyen (99.4%) dan radio (99.2%), dan penggunaan internet melonjak kepada 96.4 peratus. Selain itu, terdapat kebangkitan semula dalam telefon talian tetap dan TV berbayar dengan kadar akses masing-masing meningkat kepada 27.4 peratus dan 77.0 peratus. Pertumbuhan ini bukan sahaja menyerlahkan pencapaian semasa sektor ini tetapi juga menunjukkan masa depan yang menjanjikan penuh dengan potensi dan peluang.

Transformasi Ekonomi Digital Malaysia

Sepanjang dekad yang lalu, Malaysia telah maju ke hadapan dengan ketara untuk menjadi ekonomi digital. Transformasi ini dicirikan oleh penubuhan lebih daripada 30 pusat data dan satu siri projek yang akan datang yang bersedia untuk membentuk semula landskap digital negara. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) baru-baru ini telah meluluskan tujuh usaha penting dalam perkhidmatan pengehosan data dan pengkomputeran awan yang membawa masuk pelaburan yang mengagumkan sebanyak RM75.9 bilion dari tahun 2021 hingga Mac 2023; melebihi sasaran asal RM70 bilion yang ditetapkan di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) untuk tahun 2025.

Sektor digital yang sedang berkembang pesat ini dijangka mewujudkan kira-kira 440 pekerjaan khusus dengan peranan seperti saintis data dan penganalisis data yang memerlukan kemahiran dan latihan lanjutan. Di tengah-tengah peralihan ini ialah inisiatif strategik seperti MyDIGITAL dan Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang secara kolektif merangsang persekitaran inovasi dan kerjasama, menarik perniagaan dan pelabur global.

Kemajuan Malaysia menyerlahkan transformasi digital yang kukuh seperti yang dibuktikan dengan kedudukannya di tempat ke-15 di peringkat global dan ke-3 di rantau ASEAN dalam Indeks Pembangunan ICT 2023. Peningkatan pesat ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kerjasama awam-swasta, terutamanya melalui rangkaian 5G Digital Nasional Bhd yang membantu membina asas kukuh untuk ekonomi digital negara.

Sejak kebelakangan ini, perniagaan pusat data Malaysia sedang berkembang pesat sebagai hab serantau yang menarik perhatian baik di dalam negara mahupun di peringkat global kerana landskap yang kompetitif dan manfaat strategiknya. Pengendali terkenal seperti Bridge Data Centres, NTT DATA, Keppel Data Centres, dan Vantage Data Centres kini turut disertai oleh pemain baru seperti AirTrunk dan Equinix yang menunjukkan perkembangan pesat sektor ini. Lokasi geografi Malaysia, sumber kos efektif seperti tanah, tenaga dan air, serta peraturan kerajaan yang menyokong memainkan peranan penting dalam pengembangan ini. Seterusnya, gergasi teknologi global seperti Amazon Web Services (AWS) dan Microsoft telah melihat potensi Malaysia dan menubuhkan operasi berasaskan awan yang ditubuhkan di negara ini.

Tambahan pula, Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur (2020-2025) menggalakkan inovasi dan pembangunan infrastruktur mampan, sementara Malaysia dan Singapura baru-baru ini mencapai persetujuan untuk membina Zon Ekonomi Khas di Johor yang akan meningkatkan perdagangan rentas sempadan dan projek tenaga boleh diperbaharui. Taman Teknologi Sedenak yang akan datang di Johor memberi tumpuan kepada kelestarian alam sekitar dan risiko bencana yang rendah, dijangka akan menarik lebih banyak pembangunan pusat data, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab digital utama di Asia Tenggara.

Sektor ICT Malaysia yang berkembang pesat juga telah mendapat manfaat daripada pertumbuhan aktiviti e-dagang. E-dagang adalah alat korporat bagi perniagaan yang dapat memacu kejayaan jangka panjang dengan meningkatkan keuntungan dan memperoleh kelebihan daya saing di pasaran apabila dimanfaatkan secara berkesan (Jehangir et al., 2011). Platform seperti Alibaba, Lazada dan Shopee telah berkembang hasil daripada populasi celik teknologi negara yang menghubungkan perniagaan tempatan ke pasaran global. Usaha kerajaan dalam teknologi 5G telah menarik pelaburan daripada gergasi telekomunikasi seperti Ericsson dan Huawei yang meletakkan Malaysia di hadapan untuk rangkaian generasi akan datang. Dengan bandar pintar dan *Internet of Things (IoT)* semakin mendapat perhatian, sektor ICT bersedia untuk memberi kesan yang lebih besar dalam kehidupan seharian.

Selain itu, gabungan ICT dan teknologi kewangan (fintech) sedang mempercepatkan transformasi digital Malaysia. Dengan inisiatif seperti Lesen Perbankan Digital, rangka kerja peraturan negara memupuk persekitaran yang menyokong pelaburan asing dalam syarikat permulaan fintech yang seterusnya meningkatkan lagi momentum sektor itu.

Carta 2: Trend FDI dalam sektor ICT Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Berdasarkan Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia, aliran FDI di Malaysia telah menunjukkan perubahan yang ketara sejak kebelakangan ini. Selepas mencapai aliran masuk bersih RM2.8 bilion pada 2017, aliran FDI mengalami penurunan mendadak dengan aliran keluar bersih sebanyak RM0.5 bilion pada 2019. Tempoh dari tahun 2018 hingga 2022 mempamerkan aliran dan kedudukan yang agak sederhana disebabkan oleh kejutan luaran seperti perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang bermula pada 2018 dan kekurangan semikonduktor global bermula 2020 akibat kesan bola salji daripada pandemik COVID-19.

Sebaliknya, FDI pada tahun 2023 mencatatkan pemulihan yang ketara dengan aliran masuk meningkat kepada RM12.0 bilion dan kedudukan meningkat secara beransur-ansur kepada RM48.5 bilion. Peningkatan ini kemungkinan disebabkan minat pelabur yang diperbaharui berikutan pemulihan ekonomi pasca pandemik dan inisiatif ekonomi digital Malaysia, termasuk MyDIGITAL. Selain itu, peningkatan dalam FDI boleh dikaitkan juga dengan permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan digital, infrastruktur ICT dan teknologi Industri 4.0.

Peluang dan Cabaran FDI dalam Sektor ICT Malaysia

Sektor ICT di Malaysia mempunyai potensi besar untuk berkembang melalui Pelaburan Langsung Asing (FDI), tetapi beberapa cabaran perlu ditangani untuk merealisasikan potensi ini sepenuhnya. Inisiatif bandar pintar Malaysia yang dipacu oleh urbanisasi dan penyelesaian ICT mewujudkan peluang untuk pelaburan asing dalam teknologi seperti IoT, data raya dan pengkomputeran awan. Perkembangan ini bukan sahaja meningkatkan perkhidmatan awam dan pengurusan sumber tetapi juga meletakkan Malaysia sebagai hab untuk IoT dan teknologi pintar yang menarik firma antarabangsa dan mengukuhkan kepimpinannya dalam inovasi ICT.

Satu lagi bidang pertumbuhan utama adalah integrasi ICT dan fintech. Pemberian lesen perbankan digital oleh Bank Negara Malaysia telah merangsang minat asing yang membawa kepada pelaburan dalam perbankan mudah alih, rantaian blok, dan penyelesaian pembayaran. Dengan Malaysia mengamalkan transaksi tanpa tunai dan e-dagang, permintaan untuk penyelesaian fintech yang inovatif terus meningkat, seterusnya memperluaskan prospek FDI.

Pelaksanaan 5G di negara ini juga membuka peluang untuk FDI dalam telekomunikasi, teknologi mudah alih dan perkhidmatan digital. Inisiatif ini menyokong penggunaan internet berkelajuan tinggi dan transformasi digital dalam sektor seperti pembuatan, penjagaan kesihatan dan peruncitan serta menggalakkan perkongsian asing dalam infrastruktur 5G dan teknologi baharu seperti Realiti Maya (VR), Realiti Terimbuh (AR) dan kenderaan autonomi. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meramalkan bahawa pelaburan 5G akan merevolusikan pelbagai industri dan memberikan faedah sosio-ekonomi yang ketara dengan pulangan dijangka mencapai RM59.0 bilion menjelang 2028 dan RM275.0 bilion di bawah senario pelaburan sederhana. Teknologi ini dijangka meningkatkan kecekapan operasi, mewujudkan sehingga 68,000 pekerjaan dan memacu transformasi ekonomi jangka panjang, khususnya dalam Bandar Pintar dan sektor pelancongan.

Di sebalik peluang, Malaysia menghadapi cabaran yang berterusan termasuk populasi yang menua, perhijrahan cendekiawan dan permintaan yang semakin meningkat untuk kemahiran digital. Isu-isu ini memerlukan pelaburan yang besar dalam peningkatan kemahiran untuk mengekalkan daya saing global dalam ekonomi digital (Bhandari, 2023). Baru-baru ini, The Edge melaporkan kebimbangan daripada gergasi teknologi seperti Nvidia, Infineon Technologies, Google dan Amazon mengenai keupayaan Malaysia untuk membekalkan bakat khusus yang diperlukan untuk pelaburan mereka dalam automasi dan inovasi teknologi. Jurang kemahiran dalam bidang yang sedang berkembang seperti kecerdasan buatan dan automasi boleh menghalang penggunaan teknologi canggih dan mengurangkan pelaburan asing kerana syarikat mungkin terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi untuk mengimport kepakaran tertentu. Memandangkan modal insan mempengaruhi pembangunan ICT secara positif di Malaysia (Norehan et al., 2022) adalah perlu bagi kerajaan untuk meneroka secara menyeluruh cara untuk meningkatkan kemahiran digital yang diperlukan di negara ini.

Kebimbangan terhadap privasi dan keselamatan data menambahkan lagi kerumitan. Walaupun undang-undang perlindungan data Malaysia sejajar dengan piawaian antarabangsa, kemajuan pesat inovasi teknologi meningkatkan risiko serangan siber. Carvalho et al. (2023) menunjukkan bahawa sistem pemprosesan data semakin terdedah kepada ancaman siber, yang mungkin menjejaskan keyakinan pelabur. Memastikan perlindungan yang teguh terhadap sistem ini, tulang belakang perniagaan moden adalah penting untuk mengekalkan persekitaran pelaburan yang selamat.

Selain itu, walaupun Malaysia mempunyai infrastruktur ICT bandar yang kukuh, jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar masih wujud. Jurang ini menghalang perniagaan luar bandar daripada memanfaatkan sepenuhnya alat digital, sekali gus mengurangkan daya saing mereka dan keupayaan untuk menarik pelaburan asing. Menurut Forum Ekonomi Dunia (2022) menyatakan bahawa negara dengan ekosistem digital yang inklusif mengalami peningkatan 20-30 peratus dalam peluang pekerjaan luar bandar melalui FDI. Oleh itu, merapatkan jurang digital ini boleh membuka potensi yang sama untuk Malaysia, membolehkan kawasan luar bandar menarik pelaburan dalam sektor transformatif seperti teknologi pertanian dan tenaga boleh diperbaharui.

Kesimpulan

Kesimpulannya, transformasi Malaysia menjadi ekonomi digital sejak sedekad yang lalu merupakan satu pencapaian penting yang disokong oleh pelaburan yang signifikan dan rangkaian pusat data yang semakin berkembang. Ketika Malaysia mengharungi era digital, FDI memainkan peranan penting dalam mengubah sektor ICT dari segi teknologi dan ekonomi. Kemasukan modal global telah meningkatkan infrastruktur digital negara dan menjadikan Malaysia sebagai pusat inovasi teknologi yang sedang berkembang di Asia Tenggara. Namun begitu, Malaysia menghadapi beberapa cabaran yang perlu ditangani untuk mengekalkan trajektori pertumbuhan ini. Pendekatan strategik dalam menangani cabaran-cabaran ini akan membolehkan Malaysia mengoptimumkan manfaat FDI, sekali gus membawa kepada transformasi digital yang mampan dan inklusif. Ketika Malaysia terus mengintegrasikan pelaburan antarabangsa dengan pembangunan teknologi tempatan, negara berada pada kedudukan yang kukuh untuk menerajui revolusi digital Asia Tenggara (Lin & Park, 2023). Melangkah ke hadapan, memanfaatkan FDI dengan berkesan akan menjadi elemen penting bagi mencapai matlamat Malaysia untuk menjadi peneraju dalam inovasi digital. Penyepaduan pelaburan antarabangsa dengan pembangunan teknologi tempatan akan membimbing negara ke arah masa depan digital yang lebih saling terhubung, cekap dan makmur.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mencerminkan pandangan DOSM.

Rujukan

1. Ang, J. (2008). Determinants of foreign direct investment in Malaysia. Journal of Policy Modeling, 30(2), 185-186.

2. Bhandari, R. (2023, July 3). Bridging the skills gap: Fuelling careers and the economy in Malaysia. Economist Impact, supported by Google. Retrieved from https://impact.economist.com/perspectives/sites/default/files/skilling_in_asia_Malaysia.pdf

3. Business Tips, HSBC. (2024, September 3). The Johor-Singapore special economic zone (JS-SEZ). https://www.businessgo.hsbc.com/en/article/johorsingapore-special-economic-zone-jssez

